

# Ikan bilis mata biru cetus tanda tanya

BH 16/8/2022 MS 22

## Jabatan Perikanan Perak siasat fenomena di pantai Pasir Bogak

Oleh Noor Hidayah Tanzizi farahmarshita@bh.com.my

**Lumut:** Ikan bilis mata biru yang sinonim dengan Pulau Pangkor, yang terdampar di pantai Pasir Bogak di sini, pada Jumaat dan Sabtu lalu, memcetus tanda tanya dalam kalangan masyarakat.

Beberapa video memaparkan situasi itu serta individu mengutip ikan itu turut dimuat naik di media sosial sejak malam kelmarin.

Malah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pangkor, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir turut berkongsi video ikan bilis terdampar di tepi pantai dalam jumlah yang banyak di Instagram.

Seorang nelayan, Roslan Ahmad, 58, berkata ikan bilis mata biru itu dikesan terdampar di pantai berkenaan sejak Jumaat lalu.

Beliau berkata, video kejadian itu turut dirakam rakannya yang bersantai di pantai berkenaan



Tangkap layar video memaparkan ikan bilis mata biru terdampar di pantai Pasir Bogak, Pangkor.

(Foto ihsan pembaca)

bersama keluarga pada jam 8.30 malam, Jumaat lalu.

### Air pasang penuh

“Ketika itu ombak tidak terlalu tinggi, tetapi air pasang penuh. Rakan yang melihat seperti ada kerlipan di tepi pantai terkejut mendapati ia adalah ribuan ikan bilis mata biru yang terdampar.

“Apabila sudah heboh, ramai yang datang kutip dan semalam ada yang tunggu juga, tetapi tiada lagi bilis yang naik,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, fenomena itu adalah yang pertama berlaku, namun

punca ia berlaku tidak diketahui dan menganggapnya ia adalah satu kebesaran Allah SWT.

“Sebagai nelayan, fenomena ini boleh dianggap petanda baik juga kerana menunjukkan ikan itu sentiasa ada, kena usaha dan bersyukur serta menginsafi apa berlaku.

“Tetapi sekarang memang tak dinafikan ikan memang tengah banyak, rezeki tak putus bulan ini dan ikan bawal pun ada. Ikan termenung juga banyak didapati sekitar perairan Pulau Pangkor dan Lekir sejak dua minggu ini hingga ada yang dapat 200 kilogram ikan itu,” katanya.

Jabatan Perikanan Perak memaklumkan pihaknya menerima maklumat kejadian itu semalam dan Pejabat Perikanan Daerah Manjung akan turun ke lokasi hari ini untuk tindakan lanjut selain Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Kampung Acheh juga akan melakukan kajian berhubung kejadian itu.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Noraishah Hashim ketika dihubungi berkata, pihaknya akan membuat pemerhatian dan siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar fenomena itu.

Beliau berkata, satu batu nautika dari persisiran pantai adalah zon konservasi kawasan pembiahan semua jenis ikan.